

Budayakan semula tabiat membaca

UB 23-02-2012 A3

Oleh **NIK JASNI CHE JAAFAR**
nikjasni.ub@gmail.com

KOTA KINABALU: Tabiat membaca tidak pernah merugikan sesiapa, malah menjanjikan kelebihan yang bukan sedikit terutamanya dari aspek penguasaan ilmu pengetahuan.

Membudayakan membaca adalah tidak sukar kerana selain versi bercetak, terdapat banyak bahan bacaan kini boleh diperolehi secara dalam talian (*online*).

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata ketika ini terdapat banyak bahan ilmiah dalam format maya seperti e-book dan e-journal.

“Membaca memberi manfaat besar. Mungkin

ada yang mengharapkan maklumat yang didengar daripada persekitaran mereka dan dijana menjadi pengetahuan tapi kita tidak boleh bergantung kepada cara itu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Pesta Buku UMS di Perpustakaan UMS, kelmarin.

Mengambil contoh Tun Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata individu yang berilmu akan dihormati dan disegani kerana pengetahuan mereka.

“Di UMS, pelajar kita tidak sampai seratus peratus yang membudayakan membaca. Dan rata-ratanya pula hanya membaca buku teks.

“Kita tidak mahu mereka hanya baca buku teks untuk peperiksaan, sebaliknya

membudayakan membaca dan mempelbagaikan bahan bacaan,” katanya.

Kamaruzaman berkata, UMS ketika ini giat menggalakkan kakitangan dan pelajar mereka membudayakan membaca selain mengamalkan gaya hidup sihat.

“Mungkin kita akan memperkenalkan insentif seperti kenaikan pangkat kepada mereka yang mencapai sasaran kita dalam membudayakan membaca ini. Kita tengok usaha dan prestasi mereka,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata buku memainkan peranan penting dalam pembinaan tamadun sesebuah bangsa dan negara.

Katanya, walaupun bentuk buku telah berubah seiring

dengan kemajuan teknologi iaitu daripada buku dalam bentuk cetak kepada format maya.

“Kajian oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada 2010 menunjukkan seorang rakyat Malaysia hanya membaca lapan hingga 10 buah buku setahun.

“Judul buku yang sedikit sebenarnya bukan alasan kepada perkara ini kerana rakyat Malaysia hanya 26 juta dan kadar literasi pula adalah lebih 90 peratus,” katanya.

Tambahnya, di Malaysia, golongan pembaca buku terbesar adalah pelajar sekolah dan penuntut universiti yang rata-ratanya adalah membaca buku teks bagi tujuan peperiksaan.